Karpal Singh a/l Ram Singh lwn Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S2-21-146 TAHUN 1990
ABDUL HAMID SAID H
16 NOVEMBER 2001

Tahanan Pencegahan *— Kes-kes sekuriti — Representasi kepada Lembaga Penasihat — Sama ada pihak-pihak terikat oleh pliding — Representasi tidak didengar mengikut tarikh yang ditetapkan, sama ada Lembaga Penasihat bertindak di luar Perlembagaan — Sama ada tahanan menjadi tidak sah*

Plaintif, seorang peguambela dan peguamcara dan juga seorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, pada masa berkenaan, telah ditangkap di balai polis, Jalan Bandar, Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1987. Pada 19 Disember 1987, plaintiff telah diserahkan perintah di bawah s 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ('AKDN') bertarikh 18 Disember 1987 ('perintah tahanan pertama'). Pada 8 Mac 1988, Mahkamah Tinggi Ipoh telah membenarkan permohonan habeas corpus plaintif dan beliau telah dibebaskan. Semasa plaintif dalam perjalanan dari Ipoh ke Pulau Pinang, plaintif telah ditahan sekali lagi. Perintah tahanan kedua mengikut s 8(1) AKDN bertarikh 16 April 1988 telah diserahkan kepada plaintif pada 16 April 1988. Rayuan defendan-defendan terhadap Mahkamah Tinggi Ipoh, telah didengar oleh Mahkamah Agung yang membenarkan rayuan defendan-defendan. Defendan pertama kemudiannya membatalkan perintah tahanan kedua terhadap plaintif dan tahanan plaintiff seterusnya adalah di bawah perintah tahanan pertama. Plaintif telah mengemukakan representasi terhadap perintah tahanan pertama kepada Lembaga Penasihat dan representasi ini telah ditetapkan pendengaran pada 15 Mac 1988. Plaintif plid di perenggan 17 penyataan tuntutan bahawa Lembaga Penasihat telah bertindak di luar perlembagaan apabila ia mendengar representasi plaintif terhadap perintah tahanan pertama pada 2 Ogos 1988 pada hal ia sepatutnya mendengar representasi tersebut pada atau sebelum 31 Mac 1988. Pada 26 Januari 1989, plaintif telah dibebaskan dengan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas plaintif berdasarkan pengantungan perintah tahanan pertama. Pada 19 April 1989, defendan pertama telah membatalkan perintah tahanan pertama yang juga bermakna pembatalan segala sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya.

Diputuskan:

Sistem perundangan di negara ini mengamali sistem penentangan. Defendan menyesuaikan belaannya kepada apa yang diplid dalam pernyataan tuntuntan pihak lawan. Bagi membolehkan isu-isu dibicarakan maka cuma apa yang disebut atau dituntut di dalam plidingnya akan dibenarkan. Ini bermakna pihak terlibat dapat

memfokus isu di hadapannya dan mahkamah akan membuat keputusannya berdasarkan kepada apa yang dikatakan dalam pliding kedua-dua pihak. Di dalam kes ini, plaintif telah dengan jelas mengatakan di perenggan 17 penyataan tuntutan bahawa Lembaga Penasihat telah bertindak tidak mengikut perlembagaan dan defendan-defendan di dalam perenggan 3 mengaku fakta ini. Mengikut ujian 'clearly pleaded' di dalam kes *Ash v Hutchinson & Co (Publishers) Ltd* [1936] 1 Ch 489, maka mahkamah memutuskan bahawa isu tidak mengikut perlembagaan adalah nyata dan jelas. Mahkamah memutuskan bahawa perintah penahanan apabila dikeluarkan adalah mengikut undang-undang tetapi ia menjadi tidak mengikut perlembagaan apabila Lembaga Penasihat tidak mendengar representasi plaintif di dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan hal yang sedemikian, mahkamah memutuskan defendan-defendan bertanggungjawab ke atas penahanan dari 1 April 1988 hingga 25 Januari 1989 yang menyalahi perlembagaan dan sekatan-sekatan dan syarat dari 26 Januari 1989 hingga 19 April 1989 adalah tidak sah (lihat ms 143F–144A).

[English summary

The plaintiff, an advocate and solicitor and a member of Parliament and a member of the Pulau Pinang State Legislature at the material time, was arrested at the Jalan Bandar, Kuala Lumpur police station on 27 October 1987. On 19 December 1987, the plaintif was served an order under s 8(1) of the Internal Security Act 1960 ('the ISA') dated 18 December 1987 ('the first remand order'). On 8 March 1988, the Ipoh High Court allowed the plaintiff's application for habeas corpus and the plaintiff was released. While the plaintiff was on his way from Ipoh to Penang, the plaintiff was arrested again. The second remand order under s 8(1) ISA dated 16 April 1988 was served on the plaintiff on 16 April 1988. The defendants' appeal against the Ipoh High Court was heard by the Supreme Court which allowed the defendants' appeal. The first defendant then revoked the second remand order against the plaintiff and the plaintiff's subsequent remand was under the first remand order. The plaintiff presented a representation against the first remand order to the Advisory Board and the representation was fixed for hearing on 15 March 1988. The plaintiff pleaded in para 17 of his statement of claim that the Advisory Board acted ultra vires the constitution when it heard the plaintiff's representation against the first remand order on 2 August 1988, when it should have heard the representation on or before 31 March 1988. On 26 January 1989, the plaintiff was released upon restrictions and conditions imposed upon him based on the stay of the first remand order. On 19 April 1989, the first defendant revoked the first remand order which meant that all the restrictions and conditions imposed upon him were also revoked.

Held:

The legal system in Malaysia practices the adversarial system. The defendant prepares his defence according to what is pleaded in his opponent's statement of claim. To enable the issues to be tried, only what has been stated or pleaded in the pleadings are allowed. This means that the parties involved are able to focus on the issues before them and the court will make its decision according to both parties' pleadings. In this case, the plaintiff had stated clearly in para 17 of his statement of claim that the Advisory Board had acted beyond the constitution and the defendants, in para 3 admitted to that fact. Following the 'clearly pleaded' test in *Ash v Hutchinson & Co (Publishers) Ltd* [1936] 1 Ch 489, the court held that the issue of not following the constitution was clear. The court held that when the remand order was issued, it was in accordance with the law, but went against the constitution when the Advisory Board did not hear the plaintiff's representation within the prescribed time. With that, the court held that the defendants were liable for the remand from 1 April 1988 until 25 January 1989 which was contrary to the constitution and, the restrictions and conditions from 26 January 1989 until 19 April 1989 were void (see pp 143F–144A).

Nota-nota

Untuk kes-kes sekuriti, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1999 Reissue) perenggan 1399–1414.

Kes-kes yang dirujuk

Ash v Hutchinson & Co (Publishers) Ltd [1936] 1 Ch 489 (dirujuk)

Rajoo s/o Ramasamy v Inspector General of Police & Ors [1990] 2 MLJ 87 (dirujuk)

Siti Aisha bte Ibrahim v Goh Cheng Hwai [1982] 2 MLJ 124 (dirujuk)

Tan Boon Liat @ Allen & Anor Et Al, Re; Tan Boon Liat v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors; Chuah Han Mow v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors; Subramaniam v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors [1977] 2 MLJ 108 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ss 8(1), 10(1), 73(1), 81(3)

Akta Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 1993 (Akta A857) s 39 Jadual ke-11

Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Prosedur Lembaga Penasihat) 1972 k 3

Perlembagaan Persekutuan perkara 151(1)(b)

Karpal Singh (*Ramkarpal Singh* bersama beliau) (*Karpal Singh & Co*) bagi pihak plaintif.

A *Noor Bahari bin Baharuddin* (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak defendan-defendan.

Abdul Hamid Said H: Plaintif, seorang peguambela dan peguamcara dan juga seorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, pada masa berkenaan, telah ditangkap di Balai Polis, Jalan
B Bandar, Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1987. Beliau didakwa mengikut peruntukan-peruntukan di bawah s 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ('AKDN'). Beliau kemudiannya dibawa ke Balai Polis Sentul, Kuala Lumpur sebelum dibawa ke Pusat Tahanan Polis, Kuala Lumpur.

C Pada 19 Disember 1987, plaintif telah diserahkan perintah di bawah s 8(1) AKDN bertarikh 18 Disember 1987, dan pada 21 Disember 1987 plaintif dibawa ke Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak dan ditahan hingga 23 Disember 1987. Oleh kerana kesihatan plaintif terganggu, beliau telah dimasukkan ke Hospital Daerah Taiping, Perak.

D Pada 8 Mac 1988, Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak, membenarkan permohonan habeas corpus plaintif dan beliau telah dibebaskan. Semasa plaintif dalam perjalanan dari Ipoh ke Pulau Pinang. Plaintif telah ditahan sekali lagi di satu sekatan jalan di Nibong Tebal. Beliau ditahan di Ibu Pejabat, Pulau Pinang dan pada keesokan harinya ia dibawa ke Kuala Lumpur. Perintah tahanan kedua mengikut s 8(1) AKDN bertarikh
E 16 April 1988 telah diserahkan kepada plaintif pada 16 April 1988. Beliau kemudiannya ditahan sekali lagi di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping.

Rayuan defendan-defendan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh, telah didengar Mahkamah Agung, pada masa itu, membenarkan
F rayuan defendan-defendan. Defendan pertama kemudiannya membatalkan perintah tahanan kedua, 16 April 1988, terhadap plaintif pada 26 Julai 1988 dan tahanan plaintif seterusnya adalah di bawah perintah tahanan pertama bertarikh 18 Disember 1987.

Pada 26 Januari 1989, plaintif telah dibebaskan dari Tempat Tahanan
G Perlindungan, Taiping dengan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas plaintif berdasarkan penggantungan perintah tahanan bertarikh 18 Disember 1987 mengikut perintah bertarikh 26 Januari 1989 di bawah s 10(1) AKDN.

Pengataan plaintif ialah mengikut perintah 19 April 1989 yang menurut
H peruntukan s 81(3) AKDN, defendan pertama membatalkan perintah tahanan bertarikh 18 Disember 1987 yang juga bermakna pembatalan segala sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya. Plaintif telah kemukakan representasi terhadap perintah tahanan bertarikh 18 Disember 1987 kepada Lembaga Penasihat pada 31 Disember 1987 mengikut k 3 Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Prosedur
I Lembaga Penasihat) 1972. Dan representasi-representasi ini telah ditetapkan pendengaran pada 15 Mac 1988. Mengikut perkara 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') yang berbunyi:

(b) No citizen shall be detained under the law or ordinance for a period exceeding three months unless an advisory board constituted as mentioned in cl (2) has considered any representation made by him under para (a) and made recommendations thereon to the Yang di Pertuan Agong within three months of receiving such representations or within such longer period as the Yang di-Pertuan Agong may allow.

Di dalam kes *Re Tan Boon Liat @ Allen & Anor Et Al; Tan Boon Liat v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors; Chuah Han Mow v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors; Subramaniam v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors* [1977] 2 MLJ 108, ('kes *Tan Boon Liat*'), Suffian Hakim Besar (Malaya), pada masa itu memutuskan di ms 108:

In my view, it is clear that art 151(1)(b) envisages two kinds of detention:

(i) detention for a period not exceeding three months; and

(ii) detention for a period exceeding three months.

Keputusan kes *Tan Boon Liat* membawa kepada pindaan Perlembagaan Malaysia kepada perkara 151(1)(b) Perlembagaan dengan menambah perkataan 'or within such longer period as the Yang di Pertuan Agong may allow'. Perkara 151(1)(b) Perlembagaan seperti dipetik di atas telah ditafsir Mahkamah Agong, pada masa itu, dalam kes *Rajoo s/o Ramasamy v Inspector General of Police & Ors* [1990] 2 MLJ 87, di mana Hashim Yeop A Sani HB (Malaya), memutuskan di ms 89:

Article 151(1)(b) of the Constitution in its original version carried no power to extend the period beyond the three months period. Parliament amended that article in 1976 to include the power to extend the period under that clause. Parliament should have then also amended the Eleventh Schedule to the Constitution to insert s 39 of the 1948 Ordinance to enable the power to extend time to be exercised after the expiry of period prescribed. It is difficult to construe that there is power to extend the time after the expiry of the three months period when s 39 of the 1948 Ordinance was expressly left out from the Eleventh Schedule to the Constitution.

Perlembagaan Persekutuan telah dipinda melalui s 5 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 1993 ('Akta A857') dengan memasukkan perenggan 39 dalam Interpretation and General Clauses Ordinance 1948 dalam Jadual ke-11 yang berkuatkuasa dari 20 Ogos 1993. Perenggan 39 ini berbunyi:

Construction of power of extending time — Where in any written law a time is prescribed for doing any act or taking any proceeding and power is given to a court or other authority to extend such time, unless the contrary intention appears the power may be exercised by the court or other authority although the application for the same is not made until after the expiration of the time prescribed.

Tetapi perenggan 39 ini tidak dijadikan kebelakangan (retrospective). Memandangkan keadaan ini, peguam defendan-defendan di dalam belaan

A mengaku dalam belaannya di perenggan 3 apa yang dikatakan plaintif di perenggan 17 pernyataan tuntutan yang berbunyi:

> Plaintif plid Lembaga Penasihat bertindak di luar perlembagaan ('acted unconstitutionally') apabila ianya mendengar representasi-representasi plaintif terhadap perintah tahanan bertarikh 18 Disember 1987 pada 2 Ogos 1988 bila patutnya mendengar representasi-representasi tersebut pada atau sebelum 31 Mac 1988.

B

Berkaitan pliding adalah menjadi undang-undang lapuk atau basi (trite law) bahawa pihak-pihak terikat dengan plidingnya. Di dalam kes *Siti Aisha bte Ibrahim v Goh Cheng Hwai* [1982] 2 MLJ 124, Mahkamah Persekutuan memutuskan di ms 125:

C

> The case of *Menah bte Sulong @ Minah bte Sulong @ Aminah binti Sulong v Lim Soo @ Anor* [FC Civil Appeal No 36 of 1970] (unreported) is relied upon as authority that a decision should be in strict accordance with the pleadings. This is reflected in that part of the speech by Lord Redcliffe in *Esso Petroleum Co Ltd v Southport Corp* [1956] 2 WLR 81 when he said:

D

> > 'If an appellate court is to treat reliance as pedantry or mere formalism, I do not see what part they have to play in our trial system.'

Dan di dalam kes *Ash v Hutchinson & Co (Publishers) Ltd* [1936] 1 Ch 489 ('kes *Ash*') di ms 503, Mahkamah Rayuan di England memutuskan:

E

> A plaintiff who relies for the proof of a substantial part of his case upon admissions on his defence must, in my judgment, show that matters in question are clearly admitted; he is not entitled to ask the court to read meanings into his pleading which upon a fair construction do not clearly appear in order to fix the defendants with an admission.

F Sistem perundangan di negara ini mengamali sistem penentangan. Defendan menyesuaikan belaannya kepada apa yang diplid dalam pernyataan tuntutan pihak lawan. Bagi membolehkan isu-isu dibicarakan, maka cuma apa yang disebut atau dituntut di dalam plidingnya akan dibenarkan. Ini bermakna pihak terlibat dapat memfokus isu di hadapannya dan mahkamah akan membuat keputusannya berdasarkan apa yang G dikatakan dalam pliding kedua-dua pihak.

Di dalam kes ini, plaintif telah dengan jelas mengatakan di perenggan 17 pernyataan tuntutan bahawa lembaga penasihat telah bertindak tidak mengikut perlembagaan dan defendan-defendan di dalam perenggan 3 mengaku fakta ini. Menggunakan ujian di dalam kes *Ash* H 'clearly pleaded', maka saya memutuskan bahawa isu tidak mengikut perlembagaan adalah nyata dan jelas.

Di dalam kes ini, saya memutuskan bahawa perintah penahanan, apabila dikeluarkan, adalah mengikut undang-undang tetapi ianya menjadi tidak mengikut perlembagaan apabila lembaga penasihat tidak mendengar I representasi plaintif di dalam tempoh yang ditetapkan.

Dengan hal demikian, saya memutuskan bahawa defendan-defendan bertanggungjawab ke atas penahanan dari 1 April 1988 hingga 25 Januari

1989 yang menyalahi Perlembagaan dan sekatan-sekatan dan syarat dari 26 Januari 1989 hingga 19 April 1989 adalah tidak sah. Kos kepada plaintif. A

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Peter Ling B

C

D

E

F

G

H

I